



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENDAFTARAN DENGAN MBPJ**

Dokumen yang perlu disediakan untuk pendaftaran Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan MBPJ (*jika belum berdaftar*) adalah seperti berikut :

- I. Surat Permohonan Pendaftaran Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kepada MBPJ.
- II. Salinan surat / sijil pendaftaran daripada Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).
- III. Senarai ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT).
- IV. Salinan Penyata Akaun Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT).
- V. Minit mesyuarat terbaru Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT).
- VI. Senarai aktiviti yang telah dijalankan
- VII. Akta / Perlembagaan Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) (sekiranya ada)

Makluman – Sekiranya Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah Berdaftar dengan MBPJ, hanya dokumen di nombor II,III,IV,V dan VI sahaja yang perlu disertakan bersama Borang Permohonan Sumbangan Kewangan (jika memohon) kepada Unit Komunikasi Korporat.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SUMBANGAN KEWANGAN
PERSATUAN PENDUDUK / KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)

1. Setiap Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) **hendaklah berdaftar** dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).
2. Setiap Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perlu mengisi borang Permohonan Sumbangan Kewangan dengan lengkap untuk memohon Sumbangan Kewangan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).
3. Permohonan juga perlu mendapatkan sokongan daripada Ahli Majlis kawasan masing-masing untuk kelulusan.
4. Borang yang lengkap diisi perlu dihantar ke:-

Unit Komunikasi Korporat
Tingkat 1, IbuPejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

5. Setiap Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) hendaklah menghantar laporan program **(sekurang-kurangnya tiga (3) laporan program / tiga (3) set borang) yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya** dan kesan pelaksanaan serta pencapaian program/aktiviti di kawasan masing-masing kepada Unit Komunikasi Korporat.
6. Pemberian bantuan ini adalah satu (1) kali setahun dan hendaklah digunakan untuk **TUJUAN PERBELANJAAN PROGRAM / AKTIVITI** seperti berikut :
 - a) **Kebudayaan**
 - b) **Sukan**
 - c) **Dialog / Taklimat**
 - d) **Sosial & Kebajikan**
 - e) **Gotong-royong**
 - f) **Perayaan**
 - g) **Mesyuarat**
 - h) **Pendidikan**



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
ASPEK-ASPEK PENILAIAN PROGRAM / AKTIVITI**

1. Kekerapan program / aktiviti yang dilaksanakan
2. Penglibatan penduduk dan agensi-agensinya pelaksana (MBPJ / PDRM / lain-lain agensi)
3. Kesan dan hasil daripada program-program yang telah dilaksanakan di kawasan kejuranan masing-masing.
4. Cadangan serta penambahbaikan program / aktiviti yang berkaitan di kawasan kejuranan masing-masing.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**SENARAI SEMAK
PERMOHONAN SUMBANGAN KEWANGAN PERSATUAN PENDUDUK / KAWASAN RUKUN
TETANGGA (KRT) PETALING JAYA**

Sila Tandakan (✓) Bagi Dokumen-Dokumen yang Disertakan.

- 1) Berdaftar Dengan MBPJ.
- 2) Borang Permohonan Sumbangan Kewangan Yang Telah Lengkap Diisi.
(Ada / Tiada)
- 3) Borang Laporan Program Tahun Sebelumnya Yang Telah Lengkap Diisi.
(Ada / Tiada)
- 4) Salinan Surat / Sijil Pendaftaran Daripada Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN)
/ Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).
- 5) Senarai Nama Ahli Jawatankuasa.
- 6) Salinan Buku Bank / Penyata Bank.
- 7) Lain-Lain (Jika Ada).



MAKLUMAN KEPADA PERSATUAN PENDUDUK / KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)

Tatacara penggunaan wang sumbangan kepada Persatuan Penduduk / Kawasan Rukun Tetangga (KRT) berjumlah RM2,000 dan RM1,000.

Dimaklumkan bahawa pemberian sumbangan RM2,000 dan RM1,000 setahun sekali ini adalah kepada permohonan yang berjaya. Pihak PP / KRT dinasihatkan agar dapat menggunakan wang sumbangan ini **secara berhemah** dan sumbangan ini adalah dikhaskan bagi tujuan seperti berikut:

- I. Mengadakan sesi taklimat, dialog dan ceramah bersama agensi / pihak berkuasa
- II. Sukan
- III. Kemasyarakatan
- IV. Sambutan Perayaan
- V. Gotong-Royong
- VI. Sosial dan Kebajikan
- VII. Perayaan

Makluman: PP dan KRT diminta untuk menunjukkan rekod perbelanjaan (resit pembelian / perbelanjaan) wang sumbangan kepada Unit Komunikasi Korporat semasa menghantar laporan tahunan aktiviti / program yang dijalankan pada tahun sebelumnya. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak urusetia membentangkan laporan PP / KRT kepada pihak Majlis (jika perlu).

Disediakan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.